



INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

# INSIGHT

## ILKAP E-NEWSLETTER

EDISI  
**2021**  
JAN-JUN

**MENYINGKAP TIRAI, MENGUSIK MASA BERSAMA  
YBHG. DATIN ROZITA BINTI RAMLI  
KETUA PENGARAH  
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)**



*Assalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Datin. Ribuan terima kasih atas kesudian YBhg. Datin meluangkan masa untuk ditemu bual oleh pihak ILKAP E-Newsletter (*Insight*) Bil. 1/2021 (*Insight ILKAP*). Seperti YBhg. Datin sedia maklum, *Insight ILKAP* merupakan salah satu penerbitan ILKAP yang dibuat sebanyak dua kali setahun. *Insight ILKAP* ini bertujuan berkongsi karya penulisan artikel pegawai ILKAP selain melaporkan aktiviti yang dilaksanakan di ILKAP dari semasa ke semasa dalam tahun tersebut.*

Sidang Redaksi *Insight ILKAP* berbesar hati dapat mengadakan sesi temu bual bersama YBhg. Datin dan berkongsi dengan para pembaca sedikit sebanyak mengenai YBhg. Datin serta mungkin boleh mengambil tips berguna dalam kerjaya. Oleh itu, izinkan saya memulakan temu bual bersama YBhg. Datin.

Sudi sekiranya YBhg. Datin berkongsi dengan pembaca *Insight ILKAP* mengenai latar belakang keluarga dan pendidikan YBhg. Datin?

Saya dilahirkan di Ipoh, Perak dan merupakan anak yang kelima daripada enam orang adik beradik. Resam sebagai anak seorang tentera, saya telah melalui zaman pendidikan awal di Taiping, Perak sebelum ke Sibu, Sarawak dan akhirnya menyudahkan zaman persekolahan saya di Kuala Lumpur. Menganjak ke zaman pengajian tinggi, saya telah memilih untuk meneruskan pengajian dalam bidang undang-undang di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam dengan mengambil Program *Diploma In Law* pada tahun 1987 dan Program *Advanced Diploma In Law* pada tahun 1991.

Seterusnya, saya percaya pembaca *Insight ILKAP* ingin mengetahui sejarah kerjaya YBhg. Datin sebelum diamanahkan dengan jawatan penting selaku Ketua Pengarah ILKAP?

Sejarah kerjaya saya agak pelbagai dan bermula apabila saya mula berkhidmat sebagai penjawat awam pada tanggal 17 Februari 1992 sebagai seorang Penolong Penggubal Undang-Undang Parlimen, Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Sebelas tahun kemudian,

dalam tahun 2003 saya diamanahkan dengan tanggungjawab sebagai Penasihat Undang-Undang di Jabatan Penerangan Awam (DCA). Saya merupakan Penasihat Undang-Undang pertama di DCA kerana jawatan tersebut baharu sahaja diwujudkan pada waktu itu.

Kemudiannya, dalam tahun 2005 saya menjadi Penasihat Undang-Undang di Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sehingga tahun 2007 apabila saya kembali ke Bahagian Gubalan setelah dilantik sebagai Ketua Unit, Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Saya berkhidmat kira-kira dua tahun lebih sebagai Ketua Unit kerana telah berpeluang menyambung pelajaran dan mendapatkan Ijazah *Sarjana LLM In Advanced Legislative Studies* dari September 2009 hingga Oktober 2010 di *University of London, United Kingdom*.

Sekembalinya saya ke tanah air, saya berkhidmat sekali lagi sebagai Ketua Unit, Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara sehingga 2 Oktober 2011 dan kemudian mengorak langkah di tempat baharu yang amat berbeza sifat pekerjaannya, iaitu sebagai *Manager Business Support and Legal Services, Malaysia - Thailand Joint Authority* sehingga akhir tahun 2012.



Tempoh perkhidmatan saya yang paling singkat iaitu pada tahun 2013 dan 2014 adalah ketika saya menjawat Jawatan Khas di Bahagian Gubalan selama sebelas bulan dan kira-kira empat bulan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara. Saya kembali ke Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara pada 15 April 2014 hingga 14 Ogos 2020 memegang jawatan Timbalan Penggubal Undang-Undang Parlimen II.

15 Ogos 2020 merupakan titik lembaran baharu dalam karier saya sebagai penjawat awam apabila saya telah diberikan amanah untuk mengetuai institut latihan yang tidak asing di Malaysia, Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP) sebagai Ketua Pengarah. Saya bersyukur dengan pelantikan ini dan akan menggalas amanah yang diberikan dengan penuh daya dan saksama.

InsyaAllah, amin ya rabbal alamin. Adakah terdapat sebarang cabaran yang dirasakan sukar dalam melaksanakan tanggungjawab YBhg. Datin sebagai seorang penjawat awam?

Tentunya banyak cabaran dalam kerjaya seseorang, salah satu yang boleh dikongsikan adalah apabila menerima tugas merangka rang

undang-undang bagi sesuatu agensi yang polisinya tidak jelas dan berubah-ubah. *No clear drafting instructions.* Kesamaran polisi dalam menggubal rang undang-undang serta waktu untuk menggubal yang singkat mendatangkan kesukaran bukan sahaja dalam proses menggubal rang undang-undang, tetapi juga ketika di peringkat memuktamadkannya.

Mungkin ada kata-kata nasihat yang ingin diberikan oleh YBhg. Datin kepada penjawat awam yang masih baru berkhidmat dalam kerajaan untuk mengekalkan tahap kerja yang cemerlang dan mengekalkan integriti yang tinggi?

Disiplin, sentiasa belajar dan *evolve*. Disiplin perlu sentiasa dipupuk supaya kerja yang dihasilkan bermutu di samping mendapat berkat *lillahi ta'ala* (kerana Allah ta'ala). Kita perlu sentiasa belajar dan meningkatkan diri ke arah yang lebih baik. Amalkan tabiat membaca dan mencari ilmu serta mencabar diri untuk sentiasa cuba melaksanakan apa-apa jua tugas yang diberikan dengan sempurna dan baik. Pengetahuan yang luas akan banyak membantu kita dalam melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan berkualiti.

YBhg. Datin telah lama berkhidmat dalam sektor awam, hampir mencecah tiga dekad, adakah terdapat sebarang perkara yang memberikan motivasi kepada YBhg. Datin untuk terus cemerlang dalam perkhidmatan?

*Think positive and be passionate.* Apa pun keadaannya, berfikir secara positif dan cari apa yang boleh menimbulkan minat atau semangat kita dalam tugas yang diamanahkan. Fikiran yang positif sebenarnya membolehkan kita mengawal keadaan persekitaran kita dengan mengubah perspektif kita terhadap sesuatu cabaran yang dihadapi dan saya percaya boleh menghasilkan keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu.

Paling penting untuk saya, saya serahkan kepada Allah SWT.



Kita semua sedia maklum bahawa isu pandemik COVID-19 adalah isu global yang melanda seluruh dunia, apakah antara perkara utama yang dititikberatkan oleh YBhg. Datin dan pengurusan tertinggi ILKAP dalam tadbir urus dan pemantauan tugas seluruh warga ILKAP? Bagaimanakah warga ILKAP boleh mengekalkan gerak kerja yang positif dan berkualiti dalam norma baru?



Keselamatan warga ILKAP, para peserta program latihan dan penceramah yang terlibat merupakan perkara paling utama yang dititikberatkan buat masa ini. Apabila keselamatan menjadi perkara yang diutamakan, secara automatik isu pematuhan kepada prosedur operasi standard dan arahan semasa Kerajaan mengenai pembendungan penularan wabak COVID-19 dijadikan panduan dalam setiap tugas dan aktiviti di ILKAP. Tambahan pula, ILKAP masih merupakan sebuah Stesen Kuarantin yang aktif, jadi pemantauan yang berterusan perlu dilaksanakan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tenaga kerja ILKAP yang berjaya menyesuaikan diri dengan pelbagai norma baharu ketika menjalankan tugas termasuklah mempelajari kaedah komunikasi secara maya. Tahniah juga diucapkan atas kejayaan menganjurkan program latihan secara dalam talian kerana dalam tahun 2020 sahaja sebanyak sembilan program latihan secara dalam talian berjaya diadakan dan pencapaian memberangsangkan ini masih diteruskan pada tahun ini. Saya percaya sikap keterbukaan mempelajari sesuatu yang baharu inilah yang perlu ada bagi membolehkan warga ILKAP mengekalkan gerak kerja yang positif dan berkualiti.

Tahun 2020 telah pun meninggalkan kita dan kalau suatu masa dahulu Wawasan 2020 kerap diketengahkan, kini Malaysia melihat kehidupan dari perspektif yang amat berbeza. Apakah harapan YBhg. Datin terhadap ILKAP untuk jangka masa 5 atau 10 tahun akan datang sejajar dengan visi ILKAP sebagai peneraju kecemerlangan pembangunan modal insan dalam bidang kehakiman dan perundangan yang terkemuka di Malaysia?

Melihat ke hadapan, dengan daya usaha dan kesungguhan, ILKAP boleh meluaskan sayapnya dan menjadi sebuah institusi latihan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti *The Royal Institute of Public Administration (RIPA)*, *Crown Agents*, *Institute of Advanced Legal Studies (IALS)* dan *International Law Institute (Washington)*. Mungkin

juga ILKAP boleh meluaskan skop perkhidmatannya dan menganjurkan pendidikan lepasan ijazah (*postgraduate education*) untuk pegawai kehakiman dan perundangan, atau menyediakan platform dan program yang boleh bersimbiosis dengan sistem pendidikan lepasan ijazah bagi membantu pegawai kehakiman dan perundangan melangkah ke hadapan dalam mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi.

Akhir kata, jika boleh YBhg. Datin sampaikan sedikit kata semangat buat warga ILKAP?

Saya dapat melihat potensi dalam setiap warga ILKAP dan saya percaya kita boleh memacu ke hadapan walaupun dihujani dengan pelbagai cabaran. Seperti kata-kata hikmat yang biasa kita dengar, "**ILMU PELITA HIDUP**" dan ILKAP merupakan sebuah tempat perkongsian dan penyebaran ilmu jadi, besarlah harapan saya agar warga ILKAP dapat kekal memberikan perkhidmatan yang mapan dan mengukuhkan gerbang penyampaian ilmu dalam bidang kehakiman dan perundangan dengan sentiasa memperkemaskan diri dengan ilmu dan amalan terbaik supaya amanah kerja terus dipelihara dan hasil kerja yang bermutu dapat dikekalkan dan disampaikan kepada para penerima perkhidmatan ILKAP.

*Alhamdulillah*, diharap dengan kata-kata semangat itu, warga ILKAP yang dikasihi lebih berkobar-kobar dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Bagi pihak Sidang Redaksi Insight ILKAP Bil. 1/2021, kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian YBhg. Datin menerima jemputan kami untuk ditemu bual. Semoga warga ILKAP dan para pembaca dapat mengenali YBhg. Datin Rozita binti Ramli dengan lebih dekat dan semoga perkara positif yang disampaikan dapat diterapkan dalam kehidupan harian kita, *insyaAllah. Assalamualaikum WBT.*

# JUDICIAL REVIEW OVER A PROCLAMATION OF EMERGENCY AND EMERGENCY ORDINANCES IN MALAYSIA

By Nurun Nazifah binti Muhammad Iyen Atim  
Judicial Programme, Training Division ILKAP


## Introduction

On 12 January 2021, the Prime Minister of Malaysia announced that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong (YDPA) had exercised his powers under Article 150(1) of the Federal Constitution to issue a Proclamation of Emergency throughout Malaysia from 11 January 2021 until 1 August 2021 to provide the necessary powers to curb and prevent further spread of COVID-19 pandemic in this country.

Clauses (1) and (2) of Article 150 of the Federal Constitution empower the YDPA to make a proclamation of emergency if His Majesty is satisfied that a grave emergency exists whereby the security, or the economic life, or the public order in the Federation (Malaysia) or any part thereof is threatened or there is an imminent danger of the occurrence of such event.

## Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021

Pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution, the YDPA promulgated the **Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [ P.U.(A) 12/2021 ]** on 14 January 2021 and is deemed to have come into operation on 11 January 2021<sup>1</sup>.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

<sup>1</sup> Section 1(2) of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021

This Ordinance shall have the same force and effect as an Act of Parliament<sup>2</sup>, until it is revoked or annulled by both Houses of Parliament, or until it lapses at the expiration of six months beginning with the date of cessation of the Proclamation of Emergency<sup>3</sup>. By virtue of Section 18 of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021, the provisions of the Ordinance shall prevail over any provision in any existing written law, in relation to such provisions.

In this regard, there are provisions in the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 that have raised concerns and arguments as to their inconsistencies with the basic structure of the Federal Constitution.

For instance, subsection 5(2) of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 provides that the assessment of compensation in respect of the possession or utilisation of any land, building or movable property or resources made under subsection 5(1) of the said Ordinance cannot be challenged in court.

## Judicial review

The term “judicial review” refers to a process by which the court exercises their supervisory jurisdiction to see that public authorities do not act outside the remit of their powers<sup>4</sup>. In short, it is a court action specifically designed to challenge “decision, actions or omissions” of public authorities.

The purpose of judicial review is to ensure that the administrative decisions or implementations are lawful, procedurally fair and reasonable. Judicial review is aimed at protecting individuals from arbitrary, unfair actions and decisions by public authorities, thus ensuring the application of the rule of law. The ultimate aim of judicial review is not to allow those authorities to act outside their true legal limit.<sup>5</sup>

<sup>2</sup> Article 150(2C) of the Federal Constitution

<sup>3</sup> Article 150(7) of the Federal Constitution

<sup>4</sup> Wan Azlan Ahmad and Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood, (2006), Administrative Law in Malaysia, Sweet and Maxwell Asia: Malaysia at p 8

<sup>5</sup> The Doctrine of Judicial Review: A Cornerstone of Good Governance in Malaysia [2010] 6 MLJ cxiv

# JUDICIAL REVIEW OVER A PROCLAMATION OF EMERGENCY AND EMERGENCY ORDINANCES IN MALAYSIA

By Nurun Nazifah binti Muhammad Iyen Atim  
Judicial Programme, Training Division ILKAP

An application for judicial review is governed by Order 53 Rules of Court 2012 [P.U. (A) 205/2012]. Such an application must be supported by an affidavit (a formal sworn statement of fact) by any person who is adversely affected by the actions or decisions of a public authority and has a real and genuine interest in the subject matter.

The common grounds for judicial review are illegality, unconstitutionality, *ultra vires*, unreasonableness or irrationality, procedural impropriety, substantive fairness, proportionality and the right of access to justice.

## Whether judicial review can be made over a proclamation of emergency and the emergency laws?

Historically, since the independence in 1957, Malaysia has experienced two nationwide emergencies which happened in 1964 during the Indonesia-Malaysia Confrontation and in 1969 following the May 13 race riots. There were also two state-specific emergencies in 1966, following a political crisis involving Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan's leadership as chief minister which was proclaimed in Sarawak and in 1977 proclaimed in Kelantan, following a political impasse and street violence when the then Chief Minister Datuk Mohamed Nasir called for the dissolution of the Barisan Nasional state assembly after refusing to resign when ordered by his party PAS.

Based on decided cases, it is observed that the courts have treaded carefully and cautiously over a challenge on the proclamation of emergency and the continuation in operation of a state of emergency.

In the landmark case of *Stephen Kalong Ningkan v. Government of Malaysia [1968] 1 MLJ 119*, the contention of petitioner was that the Proclamation of Emergency over Sarawak by the YDPA was in *fraudem legis*, and whether the proclamation was justiciable. The Federal Court ruled that the Proclamation of Emergency is non-justiciable. Barakbah L.P (in the majority) said:

*"In an act of the nature of a Proclamation of Emergency, issued in accordance with the Constitution, in my opinion, it is incumbent on the court to assume that the Government is acting in the best interest of the State and to permit no evidence to be adduced otherwise. In short, the circumstances which bring about a Proclamation of Emergency are non-justiciable..."*

On appeal to the Privy Council as reported in *Stephen Kalong Ningkan v. Government of Malaysia [1968] 2 MLJ 238*, the question of justiciability was not decided (the Privy Council having dismissed the appeal on other grounds) but Lord MacDermott said at page 242 in regard to it, that "it is

a constitutional question of far-reaching importance which, on the present state of authorities, remains unsettled and debateable".

However, a decade later, the Privy Council in another landmark case of *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor [1979] 1 MLJ 50* held inter alia, on the question of whether the Proclamation of the YDPA on 15 May 1969 declaring Malaysia a security area was valid. The Privy Council opined that the Judiciary has the jurisdiction to inquire whether the purported exercise of the discretion was *ultra vires*. The Privy Council noted that in reality, the 'satisfaction' of the YDPA in Article 150(1) is on the advice of the Cabinet under Article 40(2) of the Federal Constitution and the Cabinet was itself amenable to the judicial remedy of mandamus.

After the decision in *Teh Cheng Poh*, the Federal Constitution was amended by inserting Clause (8) to the Article 150 of the Federal Constitution, which came into force on 15 May 1981. Clause (8) of Article 150 provides as follows:

- |   |
|---|
| (8) Notwithstanding anything in this Constitution—  |
| (a) the satisfaction of the Yang di-Pertuan Agong mentioned in Clause (1) and Clause (2a) shall be final and conclusive and shall not be challenged or called in question in any court on any ground; and |
| (b) no court shall have jurisdiction to entertain or determine any application, question or proceeding, in whatever form, on any ground, regarding the validity of—                                       |
| (i) a Proclamation under Clause (1) or of a declaration made in such Proclamation to the effect stated in Clause (1);   |
| (ii) the continued operation of such Proclamation;  |
| (iii) any ordinance promulgated under Clause (2a); or   |
| (iv) the continuation in force of any such ordinance.   |

On its face, Clause (8) of Article 150 of the Federal Constitution appears to be a comprehensive ouster clause that effectively excludes judicial review over all matters pertaining to the proclamation and continuation of a state of emergency, as well as the operation of emergency laws. Nevertheless, it is not a clear situation as that provision is yet to be challenged in court.

In this respect, the position of court in determining any dispute pertaining to ouster clause can be referred to in numerous decided cases. In the case of *Lim Jen Hsian v Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara [2018] 6 MLJ 548*, the Court of Appeal on ouster clause in Section 2, Part iii of the Second Schedule of the Federal Constitution, which provides that a decision of the Federal Government on citizenship shall not be subjected to any appeal or review in any court. The Court of Appeal held that such ouster provision does not preclude the jurisdiction of the court from entertaining a judicial review application.

# JUDICIAL REVIEW OVER A PROCLAMATION OF EMERGENCY AND EMERGENCY ORDINANCES IN MALAYSIA

By Nurun Nazifah binti Muhammad Iyen Atim  
Judicial Programme, Training Division ILKAP

Furthermore, the Federal Court's recent decision in *Maria Chin Abdullah v Ketua Pengarah Imigresen [2021] MLJU 13* recognised that the presence of ouster clauses could never deter the court from examining any dispute or complaint that is referred to the court. The court is entitled to examine, evaluate and assess the exercise of judicial power should any challenge be brought before the court.

This view is substantiated by the Federal Court's decisions in *Semenyih Jaya Sdn Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat and another case [2017] 3 MLJ 561* and *Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals [2018] 1 MLJ 545* where the principle that judicial power resides with the judiciary was reaffirmed. The Federal Court in the aforementioned cases also allowed the courts to declare legislations removing basic features of the constitutions to be void.

In light of the above authorities, it is an established principle that in a country with a supreme Constitution<sup>6</sup>, questions of unconstitutionality can never be removed from judicial review. It is part and parcel of judicial function in the rule of law to interpret ouster clause respectively and to hold that if a decision or action is declared by law to be 'final and conclusive'<sup>7</sup>.

Besides, during the period of emergency, the Federal Constitution is not automatically suspended and remains as the highest law in this Country. Fundamental rights are not automatically rendered ineffective and the

courts remain in operation and continue to function to uphold the law and justice in Malaysia.

Therefore, it can be argued that notwithstanding the ouster clause under Clause (8) of Article 150 of the Federal Constitution or subsection 5(1) of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021, the proclamation of emergency and emergency laws could still be contested in court by way of judicial review, among others on the grounds that reasonable justifications of emergency laws, the issue on *fraudem legis* through the advice of the Cabinet, the test of proportionality principle or the provisions that go against the basic structure of the Federal Constitution.

On that premise, the question of whether a judicial review can be made over the proclamation of emergency or the emergency laws is still open for debate.

## Conclusion

It is pertinent to note that emergency laws are the products of the Federal Constitution and the unique mechanisms provided by the Federal Constitution itself. It is the task of the judiciary to interpret the laws and ensure that the constitutional principles as well as democracy are safeguarded.



<sup>6</sup> Article 4(1) of the Federal Constitution

<sup>7</sup> Shad Saleem Faruqi, 'Controls on Emergency Powers', Sunday Star, 30 September 2001


# PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Oleh Nurulhuda binti Ramli  
Program Litigasi, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

## PENDAHULUAN


Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai Pandemik Koronavirus telah melanda seluruh dunia pada tahun 2020. Kewujudan pandemik ini mula dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China. Ia telah diisyitiharkan berstatus pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020<sup>1</sup>. Sehingga sekitar pertengahan Julai 2021, lebih daripada 191 juta kes penularan penyakit ini telah disahkan dan telah meragut lebih daripada 4.1 juta nyawa di seluruh dunia<sup>2</sup>.



Terdapat beberapa jenis Koronavirus yang telah dikenal pasti yang mengakibatkan beberapa penyakit kronik pernafasan seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV)<sup>3</sup>. Para saintis Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengesahkan bahawa Virus Coronavirüs (COV) adalah berpunca daripada virus yang mengakibatkan sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2)<sup>[4]</sup>. Ia merupakan spesis virus 'corona' terbaru yang boleh bermula dengan gejala selesama biasa sahaja tetapi boleh merebak sehingga menyebabkan jangkitan pada saluran pernafasan dan radang paru-paru (*pneumonia*) yang teruk dan kegagalan organ penting yang boleh mengakibatkan kematian.<sup>5</sup>

## AKTA 342

Malaysia tidak terkecuali daripada penularan pandemik ini dan rentetan penularan Pandemik COVID-19 di Malaysia, Kerajaan telah menggunakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]<sup>6</sup> dalam usaha membendung dan mengawal penularan pandemik ini di negara kita.



Akta 342 yang merupakan suatu akta yang telah lama wujud tetapi tidak menarik perhatian masyarakat kini telah mendapat perhatian di setiap pelusuk tanah air. Ia telah memainkan peranan yang luar biasa dalam membolehkan Kerajaan mengawal, mengurangkan atau menyekat penularan pandemik ini dengan memperuntukkan kepada Kerajaan kuasa untuk memerintahkan pengawalan pergerakan rakyat daripada merentasi sempadan daerah dan negeri dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang ingkar terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Kerajaan di bawah peruntukan Akta ini.

Peruntukan Akta 342 terpakai kepada semua rakyat Malaysia dan juga pemastautin atau mereka yang tinggal di Malaysia pada masa perintah kawalan pergerakan dikuatkuasakan. Ia penting kerana mengandungi prosedur dan tatacara pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit yang wajib dilakukan dan dipatuhi.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 – 11 March 2020". World Health Organization. 11 March 2020. Diakses pada 11 Mac 2021.

<sup>2</sup> <https://covid19.who.int/>

<sup>3</sup> <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>

<sup>4</sup> "Coronavirus Disease (COVID-19) – events as they happen". who.int. Diakses pada 27 Februari 2021.

<sup>5</sup> "Undiagnosed pneumonia - China (HU) (01): wildlife sales, market closed, RFI Archive Number: 20200102.6866757". Pro-MED-mail. International Society for Infectious Diseases.

<sup>6</sup> Diarkib daripada yang asal pada 22 Januari 2020. Diakses pada 13 Februari 2021. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/667310/covid-19-langgar-perintah-denda-rm1000-atau-penjara>

<sup>7</sup> Ibid

# PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Oleh Nurulhuda binti Ramli  
Program Litigasi, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

Akta 342 terbahagi kepada enam (6) bahagian dan antara bahagian yang utama ialah mengenai Bahagian III yang berkaitan dengan Pencegahan Pembawaan Masuk Penyakit Berjangkit (seksyen 6 hingga 9), Bahagian IV iaitu Mengawal Merebaknya Penyakit Berjangkit (seksyen 10 hingga 21) dan Bahagian V iaitu mengenai Kesalahan dan Penalti (seksyen 22 hingga 25). Antara peruntukan penting adalah Seksyen 6 Akta 342 yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat pengisyiharaan 'Kawasan Jangkitan' kepada rakyat bagi mencegah pembawaan masuk penyakit berjangkit ke dalam kawasan yang ditetapkan. Susulan pengisyiharan berkenaan, langkah pencegahan akan diambil di bawah Akta ini untuk mencegah kemasukan penyakit berjangkit dari sesuatu kawasan jangkitan. Seksyen 7 Akta 342 pula secara amnya membenarkan pegawai yang diberi kuasa untuk melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengawal dan membasmikan penyakit berjangkit. Bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 342, penalti amnya dinyatakan dalam subseksyen 24(a) yang memperuntukkan bahawa sesiapa yang melanggar garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan boleh dipenjarakan selama dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali.<sup>8</sup>

Dengan kuasa yang termaktub di bawah Akta 342, Kerajaan Malaysia telah mewartakan Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U. (A) 91/2020] yang berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020. Suatu Perintah Kawalan Pergerakan telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 ekoran daripada kenaikan bilangan jangkitan positif COVID-19 yang mendadak di Malaysia.<sup>9</sup>

Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 ini memperuntukkan antara lainnya mengenai tafsiran "Kawasan tempatan jangkitan" dan "perkhidmatan perlu" (Peraturan 2), peruntukan mengenai 'Kawalan Pergerakan dan Perhimpunan' (Peraturan 3), kewajipan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan apabila tiba di Malaysia (Peraturan 4), Peraturan mengenai 'Perkhidmatan perlu' (Peraturan 5) dan Peraturan 6' mengenai 'Permintaan Maklumat'. Peraturan 7 memperuntukkan mengenai Kesalahan iaitu sesiapa yang disabitkan kesalahan di bawah Peraturan ini boleh didenda tidak lebih daripada RM1,000.00 atau dipenjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>10</sup> Sebanyak 22 sektor perkhidmatan penting negara turut disenaraikan dalam perkhidmatan penting negara.<sup>11</sup>

## PENGUATKUASAAN

Merujuk kepada Statistik Mahkamah bagi jumlah keseluruhan kes melibatkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan 2020 dalam tempoh antara 18 Mac hingga 18 Mei 2020, ia mencatatkan bilangan kes yang amat besar dengan reman sebanyak 6,379 kes dan kes dituduh di Mahkamah sebanyak 14,779 kes.<sup>12</sup> Bagi Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kumulatif Seksyen Kesalahan yang telah dibuka sepanjang Perintah kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Januari 2021 pula, ia menunjukkan keseluruhan kes terkumpul berjumlah 15,127 kes.<sup>13</sup>

Perdana Menteri menyarankan supaya Akta 342 dipinda bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan cepat diambil. Menurut Perdana Menteri, hukuman lebih keras akan dikenakan terhadap mereka yang melanggar prosedur operasi standard (SOP) melalui pindaan Akta 342.<sup>14</sup>

*"Pertamanya, arahan penutupan serta-merta premis perniagaan yang tidak mematuhi peraturan dan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan;*

*Kedua, tindakan perundangan terhadap pemilik perniagaan, pemegang francais, operator francais dan pihak berkepentingan lain dalam rantaian organisasi perniagaan;*

*Ketiga, tindakan perundangan terhadap rantaian pengurusan pekerja asing meliputi majikan, ejen pembekal pekerja, kontraktor utama, sub-kontraktor dan orang perseorangan;*

*Keempat, mengenakan kompaun yang lebih tinggi kepada pesalah berulang atau pesalah yang telah diberi amaran;*

*Kelima, tindakan penjara ke atas pesalah yang melanggar SOP; dan*

*Keenam, tindakan tatatertib ke atas penjawat awam yang tidak mematuhi peraturan SOP termasuk kepada Ketua Jabatan berkaitan pelaksanaan dasar Bekerja Dari Rumah."<sup>15</sup>*

<sup>8</sup> Ibid

<sup>9</sup> Ibid

<sup>10</sup> Ibid

<sup>11</sup> <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-kawalan-pergerakan-digazet-hukuman-6-bulan-penjara-tambahan-sektor-penting-234108>

<sup>12</sup> Sumber statistik Pejabat Pendaftar Mahkamah Rendah Malaysia

<sup>13</sup> Sumber Polis Diraja Malaysia, Bahagian Pendakwaan/Undang-Undang (D5), Bukit Aman

<sup>14</sup> <https://www.sinarharian.com.my/article/122313/BERITA/Nasional/Akta-342-perlu-dipinda-untuk-penguatkuasaan-lebih-tegas>

<sup>15</sup> <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/02/04/hukuman-lebih-berat-terhadap-mereka-yang-langgar-sop---muhyiddin>

# PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Oleh Nurulhuda binti Ramli  
Program Litigasi, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

PDRM juga berpendapat bahawa nilai kompaun kerana ingkar dan melanggar SOP PKP wajar dinaikkan susulan peningkatan ketara kes COVID-19 di Malaysia. Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador menyatakan ribuan saman telah dikeluarkan oleh PDRM setiap minggu terhadap individu yang ingkar dan melanggar SOP PKP yang kebanyakannya melibatkan kesalahan tidak mematuhi penjarakan fizikal.<sup>16</sup>

Namun, pelbagai pihak telah menyuarakan pendapat mereka bahawa kompaun sebanyak RM1000.00 sebagai hukuman kesalahan mengingkari SOP COVID-19 adalah memadai dan tidak perlu dinaikkan. Menurut Ketua Kluster Tadbir Urus dan Integriti, Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr. Ahmad Marthada Mohamed, nilai kompaun tidak wajar dinaikkan dalam keadaan masyarakat ketika ini sedang tertekan dari segi mental, fizikal dan ekonomi akibat penularan pandemik yang semakin serius. Sebaliknya, beliau berpendapat bahawa perlaksanaan penguatkuasaan perlu dilakukan secara menyeluruh dan punca yang menyebabkan ketidakpatuhan terhadap SOP berlaku perlu diambil kira selain meningkatkan kefahaman rakyat terhadap SOP.<sup>17</sup>

Walau bagaimanapun, diperhatikan bahawa, aman kompaun wajar dinaikkan kerana peningkatan jangkitan kes COVID-19 yang mendadak didapati bukan berpunca daripada ketidaan pengetahuan mahupun kefahaman di kalangan rakyat mengenai PKP, PKPB dan PKPP tetapi sebenarnya disebabkan keengganan mematuhi dan dengan sengaja melakukan perbuatan yang mengakibatkan peningkatan jangkitan penyakit COVID-19 yang boleh meragut nyawa.

Malah, menerusi kenyataan media Menteri Kesihatan betarikh 3 Mac 2021,<sup>18</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan telah menyerahkan draf cadangan kepada Jabatan Peguam Negara untuk menaikkan kompaun terhadap pesalah yang ingkar SOP berkaitan dengan COVID-19. Cadangan tersebut dikemukakan berasaskan pertimbangan terhadap perkembangan penularan COVID-19 di Malaysia yang semakin meningkat dan menunjukkan wujudnya keperluan untuk pindaan dibuat ke atas Akta 342.<sup>19</sup>

<sup>16</sup> <https://www.sinharharian.com.my/article/122313/BERITA/Nasional/Akta-342-perlu-dipinda-untuk-penguatkuasaan-lebih-tegas>

<sup>17</sup> <https://www.sinharharian.com.my/article/121768/BERITA/Nasional/Kompaun-RM1000-sudah-memadai>

<sup>18</sup> <http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/03/penggubalan-ordinan-darurat-pindaan-2021>  
(Rujukan dalam hal ini setakat waktu penulisan artikel pada bulan Mac 2021)

<sup>19</sup> <https://www.sinharharian.com.my/article/121768/BERITA/Nasional/Kompaun-RM1000-sudah-memadai>

  
**KENYATAAN MEDIA BERSAMA  
MENTERI KESIHATAN DAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**  
**PENGGUBALAN ORDINAN DARURAT (PENCEGAHAN DAN  
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT) (PINDAAN) 2021**

Kerajaan mengambil berat dan amat komited kepada usaha berterusan untuk mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19. Penguatkuasaan undang-undang sepanjang tempoh wabak ini memainkan peranan penting dalam melancarkan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara. Bagi tujuan tersebut, banyak peraturan baharu di bawah Akta 342 telah digubal.

Bagaimanapun, peraturan-peraturan yang dibuat itu hanya berkuat kuasa bagi satu tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 11(1) berkaitan pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan. Antara peraturan yang dibuat adalah berkaitan langkah-langkah di dalam kawasan tempat jangkitan; penetapan fi dan caj; serta layanan perubatan dan pernyaraan orang yang dipindahkan ke stesen kuarantin.

Susulan pengisytiharan darurat oleh Kebawah DYMM Yang Dipertuan Agong, pada 11 Januari 2021, Kementerian Kesihatan telah meneliti dan membuat cadangan pindaan ke atas Akta 342 melalui seksyen 16 Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 dengan tujuan berikut.

## PENUTUP

Dengan peningkatan amaun jumlah kompaun bagi kesalahan mengingkari Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang dipinda, rakyat diharap akan lebih memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa dan mematuhi Peraturan-Peraturan tersebut.

LAMAN WEB RESMI  
**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA**

LAMAN UTAMA KORPORAT - AXAM - WARGA - COVID-19 - PROKLAMASI DARURAT 2021

**Arkib SOP**



- PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
- PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKP-B)
- PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETAKAN (PKP-D)
- PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKP-P)

**PENGUMUMAN**

...  
AKAN (apabila memerlukan mentahan jangkitan Covid-19)

**TAG**

WILAYAH/DAERAH NISBET  
KOD/DAERAH/SELEKSI/DAFTAR/MENTAHAN/STATUS  
KOMUNITI/KAWALAN  
PENGAWALAN/KAWALAN/PEMULIHAN  
WILAYAH/NISBET

PENGAWALAN/KAWALAN/PEMULIHAN & DISERTAI


# AKTIVITI ILKAP

JANUARI - FEBRUARI 2021

MESYUARAT RUNDINGAN HARGA, KURSUS  
DIPLOMA EKSEKUTIF PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG (ILKAP -UITM) 2021-2022  
(Hibrid: Secara Kendiri dan Dalam Talian)  
20 Januari 2021



BENGKEL PELAN STRATEGIK ILKAP 2021-2025  
(Hibrid: Secara Kendiri dan Dalam Talian)  
9 & 10 Februari 2021



# ARTICLE

## JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED AND JUSTICE HURRIED IS JUSTICE BURIED

By Hanie Dzatul Akhmar binti Zulkefli  
Research and Innovation Unit, ILKAP

### INTRODUCTION

#### What is Justice?

The word justice has been derived from the actual concept of justness which acts as the primordial factor for any state to provide for its populace. The concept of justice was vivified with various welfare, moral and psychological factors. Harmonious surveillance of these three features acts as a social tool, which makes justice accessible to all. Justice is a generic term, which includes both procedural (natural) and substantive (social) justice. Article 5 (1) of the Federal Constitution provides justice for all, the citizen and non-citizen, the provision reads as follows:

***"Art. 5 (1) No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law".***

While Article 8 (1) of the Federal Constitution provides as follows:

***"Art. 8 (1) All persons are equal before the law and entitle to the equal protection of the law".***

Therefore, justice means giving each person what he or she deserves or, in more traditional terms, giving each person his or her due.

#### Meaning of Justice in Islamic Perspective

In the Islamic world view, justice denotes placing things in their rightful place. It also means giving others equal treatment. In Islam, justice is also a moral virtue and an attribute of human personality, as it is in the Western tradition. Justice is close to equality in the sense that it creates a state of equilibrium in the distribution of rights and duties but they are not identical. Sometimes justice is achieved through inequality, like in unequal distribution of wealth. The Prophet S.A.W declared:

***"There are seven categories of people whom God will shelter under His shade on the Day when there will be no shade except His. One is the just leader".***

God spoke to His Messenger in this manner:

***"O My Slaves , I have forbidden in justice for My self and forbade it also for you. So, avoid being unjust to one another".***


Thus, justice represents moral rectitude and fairness since it means things should be where they belong.<sup>1</sup>

The Quran considers justice to be a supreme virtue. It is the basic objective of Islam to the degree that it stands next in order of priority to belief in God's exclusive right to worship and the truth of Muhammad's prophethood. Therefore, one may conclude justice is an obligation of Islam and injustice is forbidden.<sup>2</sup> The centrality of justice to the Quranic value system is displayed by the following verse:

***"We sent Our Messengers with clear signs and sent down with them The Book and the Measure in order to establish justice among the people...."***

***(Quran 57:25)***

The phrase "Our Messengers" shows that justice has been the goal of all revelation and scriptures sent to humanity. The verse also shows that justice must be measured and implemented by the standards and guidelines set by revelation. Islam approach to justice is comprehensive and all embracing. Therefore, all means, procedures and methods that facilitate, refine and advance the cause of justice and do not violate the Islamic law are valid.<sup>3</sup>



Justice and fairness are closely related terms that are often today used interchangeably. They have however also been more distinct understandings of the two terms. While "justice" usually has been used with reference to a standard of rightness. "Fairness" often has been used with regard to an ability to judge without reference to one's feeling or interests. Fairness has also been used to refer to the ability to make judgments that are not overly general but that are concrete and specific to a particular case.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> <https://www.arabnews.com/meaning-justiceislam>

<sup>2</sup> Kamali, Mohammad, 'Freedom, Equality and Justice in Islam' p. 11

<sup>3</sup> <https://www.arabnews.com/meaning-justiceislam>

<sup>4</sup> Manuel Velasquez, Claire Andre, Thomas Shanks, S.J., Justice and Fairness

## JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED AND JUSTICE HURRIED IS JUSTICE BURIED

By Hanie Dzatul Akhmar binti Zulkefli  
Research and Innovation Unit, ILKAP

### DELAY IN JUSTICE SYSTEM

Delay in justice system is a factor hindering access to justice. Ensuring citizens' access to justice is a crucial fundamental right and an important state obligation. What has often been overlooked is that the recourse to justice should be expeditious and inexpensive, if at all is to be effective. As the maxim goes, *justice delayed is justice denied*. It should be born in mind that access to justice is not merely having the right to institute a claim in court but it further entails a reliable time frame for disposal of claims and the process should not be expensive as to be out of reach of the ordinary citizen.



We should always remember that delay in the justice delivery system could erode public trust, faith and confidence in the judiciary. The right to be tried expeditiously and without delay is an important facet to a fair trial. Similarly in Malaysia, until of late it is not uncommon for cases to be languishing in court for several years. It can be as long as 10 to 15 years. We have tracked cases that had been adjourned for more than 50 times. Both the courts and counsel are equally to blame for the delay.

Judicial time was at a premium and counsel should be sensitive to applications which made inroads into judicial time. Once a case was set down for hearing there should be no adjournment thereof except for just cause usually emanating from circumstances beyond control. It was unprofessional for counsel to undertake to appear in a case when reasonably he should know that he could not do so. If in consequence the case had to be adjourned, it would be an abuse of the court's process which he would have been privy to and that might well be *prima facie* a contempt of court in as much as it affected the fair administration of justice.

An application for adjournment of a hearing or trial was one which should be treated no less seriously or informally than any other interlocutory application calling for the application of the judicial mind and exercise of judicial discretion. Counsel should appear on the hearing date and formally apply for an order for adjournment. The leading authority and one which remains binding is the Federal Court case of *Lee Ah Tee v Ong Tiow Pheng & Ors [1984] 1 MLJ 107* and Gopal Sri Ram JCA (as he then was) in the case of *Sheikh Abdul Aziz Sheikh Shukor & Ors v Sheikh Mustapha Sheikh Shukor & Ors [2004] 3 CLJ 108*.

In addition to that there are guidelines provided in **Practice Direction No. 1 of 2008** entitled '**Practice Direction on Adjournment**'. It is expressly stated therein that the direction is not intended to abrogate, impose or hold a fetter on the discretion of the trial court to grant an adjournment on any proper ground whether in exercising its power conferred by statute or its inherent jurisdiction. It is stated in that practice direction by way of example that a ground that counsel is engaged in another court is not a sufficient reason save in altogether exceptional circumstances beyond counsel's control.

In the face of a serious current backlog of cases, applications for adjournment without just cause, especially late applications for the same, are anathema. Every case adjourned result in one more to the backlog of cases. It is expected that counsel appearing in courts will co-operate to the fullest to reduce the backlog of cases.

It may be pertinent to add here that there have been occasions when adjournments have been sought on the ground that counsel is committed to appear before the Supreme Court. However, adjournment on such a ground does not follow automatically. The Supreme Court sittings are published in the gazette well in advance. Prudent counsel having a regular practice in the Supreme Court would rule out all sitting dates of that court when taking trial dates in other courts. In any event, counsel should be able to ascertain from the Supreme Court Registry when cases in which they have been retained are likely to be listed for hearing and thus keep free the appropriate date. Ultimately it boils down to good management and as usual, it is only the incompetent who face the judicial displeasure.<sup>5</sup>

<sup>5</sup> *Tan Pak v Cham Boon Sau and Other Actions [1992] 2 MLJ 271*

## JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED AND JUSTICE HURRIED IS JUSTICE BURIED

By Hanie Dzatul Akhmar binti Zulkefli  
Research and Innovation Unit, ILKAP

### RIGHT TO A SPEEDY TRIAL IN MALAYSIA

The Malaysian judiciary shares the belief that "A speedy trial is certainly an unwritten right of every person accused of an offence"<sup>6</sup>. In the context of Article 5(3) of the Federal Constitution which provides:

**"Article 5(3): No person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law".**

It is submitted that even though the plain reading of Federal Constitution does not expressly provide for the right to a speedy trial or a trial within a reasonable time as can be seen in the Sixth Amendment, Amendment VI of the Constitution of the United States of America, it does however confer upon a person charged with a criminal offence the right to a fair trial. This right to a fair trial includes the right to a speedy trial. This is because delay is a majoring contributing factor for the denial of human rights. Mr. Dr Karthikeyan, Director General of the Indian National Human Rights Commission states:

**"The biggest contributing factor for the denial of human rights to a majority of people is 'delay' – delay in taking decisions, delay in communicating decision, delay by those holding any authority at various levels in government. Most public servants are insensitive to their fellow citizens... Unless we devise a system where delay in the decision-making process is avoided, millions of people will remain victims of human rights violations... We can ensure better observation and protection of human rights only by increasing people's awareness about their rights and sensitizing security forces and public servants of their duties".**

The right to a speedy trial was expressly dealt with in the case of *Public Prosecutor v Choo Chuan Wang [1992] 2 CLJ 1242*. Edgar Joseph Jr. J (as he then was) quoted several Indian Supreme Court decisions and held that Article 5(1) of the Federal Constitution does imply in favour of an accused person the right to a fair hearing within a reasonable time, by an impartial Court established by law. He then quoted from the Indian Supreme Court decision of *Madheshwardhari Singh & Anor v State of Bihar 1986 Cri LJ 1771* which held as follows:

**"That now by precedential mandate the basic human right to a speedy public trial in all criminal prosecutions has been**

**expressly written as if with pen and ink in the constitutional right relating to life and liberty guaranteed under Article 21 of our Constitution. Further that this right is identical in context with the express constitutional guarantee inserted by the Sixth Amendment in the American Constitution.**

**That the American precedents on the Sixth Amendment of that Constitution would be equally attracted and applicable as persuasive on this facet of Article 21 of our Constitution as well.**

**That once the constitutional guarantee on a speedy trial and the right to a fair, just and reasonable procedure under Article 21 has been violated, then the accused is entitled to an unconditional release and the charges levelled against him would fall to the ground.**

**That a callous and inordinate prolonged delay of ten years or more, which, in no way arises from the accused's default (or is otherwise not occasioned due to any extraordinary and exceptional reasons), in the context of reversal of a clean acquittal on a capital charge, would be per se prejudicial to the accused and would mainly violate the constitutional guarantee of a speedy trial under Article 21".**

Another factor which greatly contributes to the delay of the disposal of criminal proceedings is the delay on the part of the police to complete their investigations before the date of hearing. Her Ladyship Siti Norma Yaakob in her paper presented at the ASEAN Law Association Conference, in Manila in 1980 pointed out that in criminal proceedings, more often than not, on the day fixed for hearing the police have still not completed their investigations in which case the prosecuting officer is forced to seek an adjournment and the reason for such request will always be that he has not received the investigation papers as the investigating officer concerned was still investigating into the case.

Be that as it may, counsels representing the accused persons are also not without fault. There have been instances where defence counsels seek unnecessary adjournments on any flimsy ground with the intention that with the passing of time, witnesses tend to forget details and with clever cross-examination on their part, they may well succeed in throwing doubts on the prosecution's case.

<sup>6</sup> Ooi Ah Phua v Officer in Charge, Criminal Investigations, Kedah/Perlis [1975] 1 MLJ 93

# ARTICLE

## JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED AND JUSTICE HURRIED IS JUSTICE BURIED

By Hanie Dzatul Akhmar binti Zulkifli  
Research and Innovation Unit, ILKAP

### CONCLUSION

The sentiment of the public when dealing with court is the time consumed in settling dispute. Previously, delay in legal process strikes deep into the very heart of civil litigation. As section 7(7) of the Judges' Code of Ethics 2009 [P.U.(B) 201] (Code) requires judges to complete their cases promptly and diligently, delay in completing cases should be avoided. Even though in most cases the parties in disputes were the main contributors for the delays, yet the public still sees the court who causes such delay. Any delays in completing cases can cause injustice either to the defendant, plaintiff, accused or the prosecutors, as pending bank's account may be frozen, property left abandon or witness may have disappeared. It may even become worse when evidence may no longer be available or some facts might have been forgotten by witnesses.

The introduction of mediation and case management had somehow eased the public's perception on delays in completing cases. Cases are currently being disposed faster and judge's momentum in disposing cases are positively improving both in civil and criminal cases. A lot of effort has been done by judges to adhere to the Code to avoid unreasonable delay. It should be reminded that justice should not be hurried, but it must not also be delayed.

In conclusion, courts in Malaysia have given recognition to the fact that the right to a speedy trial is encapsulated within the ambit of Article 5 (2) of the Federal Constitution. Therefore, it is incumbent on the courts to be vigilant and act accordingly when there appears to be a violation of this right to a speedy trial. As for the defence lawyers in criminal cases, it is now indeed their task to highlight the importance and existence of such right to the judiciary and to ensure that there is no denial of such right for **justice delayed is justice denied**.



# ARTIKEL

## PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018 [AKTA A1567]


Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP

### PENDAHULUAN


Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] telah mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009.<sup>1</sup> Dalam usaha memerangi jenayah rasuah, memperbaiki integriti dan melaksanakan urus tadbir yang baik dalam organisasi komersial, suatu usaha ke arah melestarikan hasrat tersebut telah digerakkan melalui pindaan yang telah dibuat kepada Akta ini pada tahun 2018. Pindaan tersebut dibuat melalui Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 [Akta A1567].<sup>2</sup>

Antara pindaan yang dibuat melalui penggubalan Akta A1567 adalah dengan memasukkan seksyen baharu 17A selepas seksyen 17 yang sedia ada. Seksyen 17A adalah suatu peruntukan mengenai kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu organisasi komersial.<sup>3&4</sup>

Sehubungan dengan itu, topik bagi artikel ini adalah adalah suatu penulisan yang dibuat susulan daripada pindaan yang memasukkan seksyen baharu 17A ini ke dalam Akta 694.



### PENGGUBALAN SEKSYEN 17A AKTA 694



United Nations Convention against Corruption (UNCAC) atau Persidangan Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah satu-satunya instrumen menentang rasuah universal yang mengikat secara sah.<sup>5</sup> Malaysia merupakan salah sebuah negara penandatangan kepada UNCAC. Malaysia menandatangani UNCAC pada 9 Disember 2003 dan telah meratifikasi UNCAC pada 24 September 2008.<sup>6</sup>

Oleh yang demikian, Malaysia perlu melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah UNCAC. Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan adalah memenuhi obligasi yang diperuntukkan di bawah Perkara 26 UNCAC yang berhubungan dengan liabiliti orang di sisi undang-undang.

**Perkara 26 UNCAC memperuntukkan seperti yang berikut:**

*Article 26. Liability of legal persons*

1. Each State Party shall adopt such measures as may be necessary, consistent with its legal principles, to establish the liability of legal persons for participation in the offences established in accordance with this Convention.
2. Subject to the legal principles of the State Party, the liability of legal persons may be criminal, civil or administrative.
3. Such liability shall be without prejudice to the criminal liability of the natural persons who have committed the offences.
4. Each State Party shall, in particular, ensure that legal persons held liable in accordance with this article are subject to effective, proportionate and dissuasive criminal or non-criminal sanctions, including monetary sanctions.

<sup>1</sup> Subseksyen 1(2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

<sup>2</sup> Subseksyen 1(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 [Akta A1567].

<sup>3</sup> Seksyen 4 Akta A1567.

<sup>4</sup> Seksyen 17A Akta 694.

<sup>5</sup> United Nations Office on Drugs and Crime, "United Nations Convention against Corruption (UNCAC)", diakses dari <https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/uncac.html>

<sup>6</sup> United Nations Office on Drugs and Crime, "Signature and Ratification Status", diakses dari <https://www.unodc.org/unodc/en/corruption/ratification-status.html>

# PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A

## AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN)

### 2018 [AKTA A1567]

Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP

Bagi memenuhi obligasi di bawah Perkara 26 UNCAC, seksyen 17A telah digubal, dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada Akta 694.<sup>7</sup> Seksyen 17A Akta 694 memperuntukkan seperti yang berikut:

#### **Kesalahan oleh organisasi komersial**

**17A.** (1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat—

- (a) untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- (b) untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

(2) Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang—

- (a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau
- (b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya,

pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk menghalang pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan.

(4) Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu.

(5) Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan tatacara yang disebut dalam subseksyen (4).

<sup>7</sup> Seksyen 4 Akta A1567.

# PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018 [AKTA A1567]

Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP

(6) Bagi maksud seksyen ini, seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia ialah seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(7) Persoalan sama ada seseorang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial atau tidak hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada semua hal keadaan yang berkaitan dan bukan hanya dengan merujuk kepada sifat hubungan antara dia dengan organisasi komersial itu.

(8) Bagi maksud seksyen ini, "organisasi komersial" ertinya—

- (a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;
- (b) suatu syarikat di mana juga diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia;
- (c) suatu perkongsian—
  - (i) di bawah Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
  - (ii) yang merupakan perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
- (d) suatu perkongsian di mana juga ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia.



# PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018 [AKTA A1567]

Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP

## PIHAK UTAMA DI BAWAH SEKSYEN 17A AKTA 694

Penelitian mendapati terdapat dua pemain utama dalam seksyen 17A Akta 694 iaitu—

- (i) organisasi komersial; dan
- (ii) seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial tersebut.

Tafsiran “organisasi komersial” dapat dilihat dalam subseksyen 17A(8) Akta 694. Secara ringkasnya, subseksyen ini memperuntukkan bahawa terdapat empat kategori organisasi komersial, iaitu—

- (i) syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- (ii) perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135];
- (iii) perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743]; atau
- (iv) syarikat atau perniagaan luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Menurut subseksyen 17A(6) Akta 694, dapat diringkaskan bahawa ‘seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial’ ialah seseorang yang melakukan perbuatan rasuah dan kesalahan jenayah tersebut boleh menyebabkan organisasinya turut dikenakan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta 694. Terdapat dua kategori orang yang bersekutu dengan organisasi komersial iaitu—

- (i) pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu; atau
- (ii) individu yang melaksanakan tugas bagi pihak organisasi komersial itu.

## HUKUMAN

Subseksyen 17A(2) Akta 694 memperuntukkan tentang hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 17A Akta 694. Menurut peruntukan ini, jika

sesuatu organisasi komersial itu didapati bersalah, hukuman yang bakal dihadapi adalah—

- (i) denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1,000,000.00 atau mengikut mana-mana nilai yang lebih tinggi;
- (ii) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; atau
- (iii) kedua-dua hukuman yang dinyatakan dalam perenggan (i) dan (ii) di atas.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa sekiranya sesuatu organisasi komersial itu didapati bersalah, entiti atau inividu yang boleh dikenakan hukuman adalah—

- i. organisasi komersial itu sendiri;
- ii. pengarah, orang yang mempunyai kawalan terhadap organisasi komersial, rakan kongsi atau pegawai organisasi komersial tersebut; atau
- iii. mana-mana individu lain yang terlibat dalam pengurusan organisasi komersial tersebut.

## PEMBELAAN

Subseksyen 17A(3) dan (4) Akta 694 memperuntukkan tentang pembelaan. Secara keseluruhannya, seseorang itu boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan di bawah subseksyen 17A(2) Akta 694 kecuali jika dia berjaya membuktikan bahawa—

- (i) kesalahan organisasi komersial dilakukan tanpa keizinannya atau penglibatannya;<sup>8</sup> atau
- (ii) segala ‘tatacara yang mencukupi’ untuk menghalang seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan kesalahan rasuah telah dilakukan.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Subseksyen 17A(3) Akta 694.

<sup>9</sup> Subseksyen 17A(4) Akta 694.

# ARTIKEL

## PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018 [AKTA A1567]

Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundangan, Bahagian Latihan ILKAP

Subseksyen 17A(3) Akta 694 dilihat sebagai suatu anggapan undang-undang yang memperuntukkan bahawa apabila seorang warga kerja atau sekutu organisasi komersial itu melakukan rasuah atau memberikan suapan, maka pengurusan atasan dan entiti korporat itu juga turut bersalah **kecuali** jika mereka boleh membuktikan sebaliknya untuk mematahkan anggapan ini.<sup>10</sup>

Selain itu, sesuatu organisasi komersial hendaklah membuktikan bahawa segala tatacara yang mencukupi telah diambil bagi mengelakkan pertuduhan di bawah seksyen ini.<sup>11</sup> Oleh itu, pada 10 Disember 2018, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi,<sup>12</sup> sebagaimana kehendak subseksyen 17A(5) Akta 694.

### PENGUATKUASAAN SEKSYEN 17A AKTA 694

Usaha untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan liabiliti korporat pada Akta 694 telah mula dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak tahun 2013 lagi.<sup>13</sup>

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, pindaan kepada Akta 694 dengan memasukan seksyen 17A telah dibuat melalui penggubalan Akta A1567 yang telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2018.

Walau bagaimanapun, seksyen 17A Akta 694 hanya mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2020.<sup>14</sup> Peruntukan ini hanya dikuatkuaskan apabila tamatnya tempoh dua tahun selepas rang undang-undang diluluskan untuk memberikan masa yang mencukupi kepada organisasi komersial untuk mengadakan tatacara pencegahan rasuah dalam organisasi masing-masing.<sup>15</sup>

Selepas hampir sembilan bulan berkuat kuasa, negara kita telah dikejutkan dengan kes sebuah syarikat penyewaan kapal yang didakwa di bawah Akta 694 pada Mac 2021. Dalam kes ini, pendakwaan telah dibuat terhadap pengarah syarikat tersebut. Kes ini merupakan kes pertama di Malaysia yang mengenakan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap organisasi komersial mengikut seksyen 17A Akta 694.<sup>16</sup>

694 dalam undang-undang membanteras rasuah mereka. Sebagai contoh, peruntukan undang-undang seumpama seksyen 17A Akta 694 dapat dilihat dalam seksyen 7 kepada United Kingdom Bribery Act 2010 ("UK Bribery Act"). UK Bribery Act mula berkuat kuasa pada 8 April 2010.<sup>17</sup> Selanjutnya, pemerhatian mendapati kes pertama di United Kingdom yang dituduh di bawah UK Bribery Act ialah kes *R v Sweett Group*.<sup>18</sup> Sweett Group yang merupakan sebuah syarikat penyedia perkhidmatan profesional dalam sektor pembinaan di United Kingdom merupakan syarikat pertama yang didakwa dan disabitkan hukuman atas kesalahan rasuah di United Kingdom.

Jika dibandingkan, kes pendakwan terhadap organisasi komersial yang pertama di United Kingdom berlaku setelah hampir empat tahun UK Bribery Act berkuat kuasa, berbanding dengan di Malaysia yang hanya mengambil masa lebih kurang sepuluh bulan sahaja untuk kita melihat pemakaianya.



<sup>10</sup> Sinar Harian, "Seksyen 17A Senjata Baharu SPRM", diakses dari <https://www.sinharharian.com.my/article/101943/KHAS/Pendapat/Seksyen-17A-senjata-baharu-SPRM>

<sup>11</sup> Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya, "Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) Berkuat Kuasa Hari Ini", diakses dari [https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page\\_id=105&contentid=539%22](https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=105&contentid=539%22)

<sup>12</sup> Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), "Garis Panduan Tatacara Mencukupi" diakses dari <https://giacc.jpm.gov.my/garis-panduan-tatacara/>

<sup>13</sup> Penyata Rasmi Dewan Rakyat Bil. 19, DR\_04042018, muka surat 24.

<sup>14</sup> Warta Kerajaan Persekutuan, PU (B) 247 bertarikh 27 Mei 2020.

<sup>15</sup> Penyata Rasmi Dewan Rakyat Bil. 19, DR\_04042018, muka surat 22.

<sup>16</sup> Astro Awani, "Syarikat sewa kapal kes pertama didakwa mengikut Seksyen 17A Akta SPRM", diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-sewa-kapal-kes-pertama-didakwa-mengikut-seksyen-17a-akta-sprm-288600>

<sup>17</sup> The National Archives, "Bribery Act 2010", diakses dari [https://www.legislation.gov.uk/ukpga/2010/23/pdfs/ukpga\\_20100023\\_en.pdf](https://www.legislation.gov.uk/ukpga/2010/23/pdfs/ukpga_20100023_en.pdf)

<sup>18</sup> Allen & Overy, "Lessons from the first s7 UK Bribery Act case" diakses dari <https://www.allenovery.com/en-gb/global/news-and-insights/publications/lessons-from-the-first-s7-uk-briberyact-case>

# ARTIKEL

## PENGENALAN KEPADA SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018 [AKTA A1567]


Oleh Noor Ezwanee binti Mohamad  
Program Perundungan, Bahagian Latihan ILKAP

### PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pelanggaran seksyen 17A Akta 694 berlaku apabila seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial memberikan atau bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan rasuah untuk—

- (i) memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- (ii) memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

Ini bermakna sebelum peruntukan seksyen 17A diwujudkan, penguatkuasaan undang-undang dalam kes rasuah hanya tertumpu kepada *natural person* sahaja, iaitu hanya menjurus kepada 'individu' yang terlibat dalam jenayah rasuah sahaja. Kini, dengan penggubalan seksyen 17A Akta 694, penguatkuasaan undang-undang juga boleh dikenakan terhadap 'syarikat' yang menjalankan kegiatan rasuah untuk mengekalkan faedah perniagaan mereka. Dengan adanya seksyen 17A Akta 694, penguatkuasaan undang-undang tidak terhenti kepada individu yang selalunya merupakan 'kambing hitam' bagi sesuatu syarikat untuk mendapatkan faedah bagi syarikat itu sendiri, tetapi dengan penguatkuasaan peruntukan tersebut, syarikat itu tidak terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang.



Faizal merupakan eksekutif pemasaran di Syarikat Kacau Bilau Sdn. Bhd. Syarikat tersebut menjalankan urusan perniagaan dalam bidang pengurusan pentas. Osman merupakan pemilik Syarikat Janji Masyuk Sdn. Bhd. dan syarikatnya sering menerima projek berkaitan pengurusan pentas daripada syarikat-syarikat besar.

Faizal telah berjumpa dengan Osman dan demi kelangsungan Syarikat Kacau Bilau Sdn. Bhd., Faizal telah menawarkan suapan kepada Osman untuk diberikan projek berkaitan dengan pengurusan pentas. Hasil daripada perbincangan antara Faizal dengan Osman, suapan dalam bentuk wang diserahkan kepada Osman kerana Osman telah memberikan suatu projek pengurusan pentas kepada Syarikat Kacau Bilau Sdn. Bhd.

# AKTIVITI ILKAP

MAC 2021

## KUNJUNGAN HORMAT PIHAK UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY KE ILKAP



## MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN ILKAP KALI KE-15 TAHUN 2021



22 MAC 2021

26 MAC 2021

# AKTIVITI ILKAP

MAC 2021

PERHIMPUNAN BULANAN ILKAP BIL. 1/2021



26 MAC 2021

TAKLIMAT MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG 2020  
KEPADА YB MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)



29 MAC 2021

# MEKANISME UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA DI MALAYSIA SELAIN TUNTUTAN DI MAHKAMAH SIVIL

Oleh Haslamizan bin Maliki  
Program Penasihat, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

## PENGENALAN

Dalam konteks ekonomi pasaran terbuka dan bebas pada hari ini, pengguna merupakan segmen masyarakat yang paling besar dan mempunyai peranan penting ke arah kerancakan ekonomi. Kita sebagai pengguna bukan sahaja menggunakan produk, tetapi mencakupi berbagai-bagai bentuk perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai jenis syarikat. Di Malaysia, kementerian yang bertanggungjawab dalam isu berkaitan dengan kepenggunaan ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Banyak dasar dan undang-undang telah dilaksanakan untuk melindungi kepentingan pengguna. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan pengguna seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia juga memainkan peranan yang aktif dalam membela kepentingan pengguna di negara kita.

## DASAR DAN UNDANG-UNDANG MENGENAI ISU KEPENGGUNAAN

Antara dasar KPDNHEP berkaitan dengan isu kepenggunaan yang boleh dilihat adalah menerusi **Program Perlindungan Pengguna** yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perlindungan pengguna melalui penyemakan dan cadangan undang-undang dan dasar baharu untuk melindungi pengguna, menerima aduan daripada pengguna dan menjadi urus setia kepada Majlis Penasihat Pengguna Negara. Selain itu, KPDNHEP juga menjalankan **Kajian Semula Dasar Pengguna Negara** yang pertama kali digubal pada tahun 2002 dan **Pelan Induk Pengguna** yang pertama kali dilaksanakan pada tahun 2003. Kajian semula ini penting bagi memastikan dasar kepenggunaan sentiasa relevan dengan perkembangan semasa.

Dalam aspek undang-undang pula, semakan dari masa ke masa telah dilakukan terhadap Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] bagi memastikan Akta 599 relevan dengan situasi terkini khususnya berkenaan isu kepenggunaan yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Pindaan terbaru<sup>1</sup> kepada Akta 599 adalah pada tahun 2019 yang memperuntukkan peningkatan terhadap award Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dari RM25,000.00 kepada RM50,000.00 serta meningkatkan kadar penalti bagi ketidakpatuhan terhadap award yang telah ditetapkan oleh TPM.

## TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA (TTPM)

TTPM ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII Akta 599 dan beroperasi di bawah KPDNHEP dengan objektif yang berikut:

- ➡ Menyediakan forum alternatif kepada mahkamah sivil bagi membolehkan pengguna membuat tuntutan tebus rugi berkenaan dengan barang atau perkhidmatan secara murah, mudah dan cepat;
- ➡ Mendengar dan mengadili tuntutan dengan bebas, adil dan saksama; dan
- ➡ Membangunkan undang-undang berhubung dengan perlindungan pengguna.

Bidang kuasa TPM adalah untuk mendengar tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan yang dibenarkan di bawah bidang kuasanya sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 599, iaitu tuntutan yang jumlah amannya tidak melebihi RM50,000.00 dan tuntutan yang terakru dalam masa tiga tahun dari tuntutan itu. Pengguna turut dinasihatkan untuk meneliti perkara yang tidak termasuk dalam bidang kuasa TPM sebelum memulakan sebarang tindakan.<sup>2</sup>

Berkenaan dengan kaedah tuntutan yang boleh dibuat oleh pengguna, TPM mengamalkan dasar mesra pengguna, iaitu pengguna boleh mendapatkan akses dan membuat tuntutan secara terus dengan cara hadir sendiri ke kaunter TPM di pejabat negeri seluruh Malaysia termasuklah di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan, atau pengguna boleh juga memfailkan tuntutan secara dalam talian, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. Fi yang dikenakan bagi setiap permohonan hanyalah sebanyak RM5.00 dan ini merupakan jumlah yang amat berpatutan jika dibandingkan dengan kos tinggi yang mungkin perlu dibayar sekiranya pengguna membawa kesnya di mahkamah sivil.

<sup>1</sup> Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 [A1598]

<sup>2</sup> Seksyen 99 Akta 599

# ARTIKEL

## MEKANISME UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA DI MALAYSIA SELAIN TUNTUTAN DI MAHKAMAH SIVIL

Oleh Haslamizan bin Maliki  
Program Penasihat, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

### MEKANISME TUNTUTAN LAIN

Ramai di kalangan masyarakat kita beranggapan bahawa segala tindakan undang-undang bagi melindungi kepentingan mereka mestilah dibuat melalui tindakan sivil di mahkamah dengan menggunakan khidmat peguam yang lazimnya melibatkan kos yang tinggi serta terpaksa melalui prosedur yang mengambil masa lama. Tetapi, tanpa kita sedari, sebenarnya banyak lagi mekanisme lain selain TPM yang disediakan oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan pengguna di Malaysia.

Antara mekanisme tuntutan lain yang boleh digunakan oleh pengguna adalah dengan membuat tuntutan menerusi dua tribunal di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu **Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)** yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan **Tribunal Pengurusan Strata (TPS)** yang ditubuhkan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

#### Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR)



Bidang kuasa TTPR adalah terhad kepada suatu tuntutan yang berbangkit daripada perjanjian jual beli antara pembeli rumah dan pemaju perumahan.

Bidang kuasa TTPR hanyalah untuk mendengar kes di Semenanjung Malaysia dan Wilayah persekutuan Labuan sahaja.



Jumlah maksimum tuntutan yang dibawa menerusi TTPR adalah RM50,000.00 sahaja bagi setiap tuntutan.

Terdapat dua jenis tuntutan yang boleh dibuat di TTPR, iaitu tuntutan teknikal dan tuntutan bukan teknikal:

**Tuntutan teknikal** adalah seperti kecacatan mutu kerja, kecacatan bahan binaan dan rumah tidak dibina mengikut pelan dan spesifikasi seperti dinyatakan dalam perjanjian jual beli; dan

**Tuntutan bukan teknikal** pula adalah seperti ganti rugi kelewatian penyerahan milikan kosong, pemulangan deposit dan tuntutan lain yang berbangkit daripada perjanjian jual beli.



#### Tribunal Pengurusan Strata (TPS)

Tiada had masa ditetapkan untuk membuat tuntutan.



Had maksimum tuntutan yang dibawa menerusi TPS adalah RM250,000.00.

Bidang kuasa TPS adalah untuk mendengar dan menentukan tuntutan yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual Keempat Akta 757 seperti pertikaian atau aduan berkenaan dengan suatu penjalanan atau pelaksanaan; atau kegagalan untuk menjalankan atau melaksanakan, suatu fungsi, kewajipan atau kuasa yang diberikan atau dikenakan oleh Akta 757 atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 757, kecuali bagi yang diperuntukkan secara khusus dalam Bahagian berkenaan.



#### UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 757

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013



Mekanisme seterusnya adalah menerusi **Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)** di bawah Kementerian Sumber Manusia yang ditubuhkan untuk memupuk serta memelihara perhubungan positif dan harmoni antara majikan, pekerja dan kesatuan sekerja bagi mewujuk suasana perhubungan perusahaan yang aman dan tenteram dalam negara.

Antara inisiatif penting JPPM adalah memperkenalkan **Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PWLS)** untuk mewujudkan hubungan yang lebih rapat antara upah dan produktiviti bagi meningkatkan daya saing negara. Ia akan memberikan faedah kepada pekerja dan majikan sama ada dalam sektor berkesatuan atau tidak berkesatuan di negara ini. Ini kerana, PWLS dapat memastikan sebarang kenaikan upah adalah selaras dengan peningkatan produktiviti atau prestasi yang lebih baik. PWLS juga membolehkan pekerja mendapat upah yang adil, bersesuaian dengan peningkatan produktiviti mereka.

## MEKANISME UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA DI MALAYSIA SELAIN TUNTUTAN DI MAHKAMAH SIVIL

Oleh Haslamizan bin Maliki  
Program Penasihat, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP



Selain itu, JPPM juga telah mewujudkan **Indeks Keharmonian Perusahaan** yang merupakan instrumen untuk mengukur tahap keharmonian perusahaan dalam usaha meningkatkannya ke arah yang lebih baik.

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] memperuntukkan bahawa sebarang pertikaian perusahaan akan diselesaikan mengikut cara yang sepatutnya. Pertikaian perusahaan wujud apabila kedua-dua pihak, iaitu majikan (atau kesatuan majikan) dan pekerja (atau kesatuan pekerja) gagal mencapai persetujuan bersama mengenai isu pekerjaan atau bukan pekerjaan. Dalam keadaan ini, JPPM akan memainkan peranan untuk membantu menyelesaikan pertikaian perusahaan tersebut demi memelihara dan mengekalkan keharmonian perusahaan di Malaysia.



# MEKANISME UNTUK MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA DI MALAYSIA SELAIN TUNTUTAN DI MAHKAMAH SIVIL

Oleh Haslamizan bin Maliki  
Program Penasihat, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP


Pertikaian perusahaan terbahagi kepada dua isu utama, iaitu mengenai:

- **Pekerjaan** seperti keengganan memulakan perundingan kolektif, kebuntuan dalam perundingan kolektif, pertikaian mengenai mana-mana terma dan syarat kontrak perkhidmatan atau perjanjian kolektif; dan
- **Bukan Pekerjaan** pula terdiri daripada kegagalan mematuhi piawaian perburuhan dan peruntukan berkanun berkaitan dengan kemudahan serta faedah lain yang bukan berunsur kewangan, pelanggaran hak pekerja atau ketidakadilan dalam amalan perburuhan atau penindasan ke atas pekerja.

Pengguna atau dalam erti lain “pekerja”, boleh memanfaatkan mekanisme tuntutan berkaitan dengan pekerjaan berdasarkan prosedur yang ditetapkan dalam peruntukan **Seksyen 8** (aduan), **Seksyen 13** (perundingan dan perjanjian kolektif) dan **Seksyen 18** (pertikaian perusahaan) Akta 177 untuk memastikan hak mereka dipertahankan

## PENUTUP

Berdasarkan penerangan di atas, jelaslah bahawa selain tindakan undang-undang sivil di mahkamah sebagaimana yang telah diketahui umum, terdapat banyak lagi mekanisme tuntutan lain yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan para pengguna memperoleh hak mereka dengan lebih berkesan dan efisien. Walau bagaimanapun, semua mekanisme ini masih memerlukan pengguna itu sendiri untuk menimba ilmu dan berusaha untuk mendapatkan haknya tanpa penglibatan orang tengah seperti peguam. Dengan gerbang ilmu tanpa batasan, pelbagai ilmu dan maklumat boleh diketahui dengan lebih mudah melalui laman sesawang atau pengguna juga boleh berhubung terus dengan agensi / jabatan / kementerian yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan terperinci. Jika penyelesaian tidak diperolehi melalui semua mekanisme ini, barulah tindakan seterusnya boleh difikirkan untuk dibawa ke mahkamah menerusi tindakan sivil.



# ISU DAN CABARAN: LAMBAKAN KONTENA SISA PEPEJAL PLASTIK BAGI KOD PLASTIK HS CODE 39.15

Oleh Muhamad Yasser bin Mohd Nasri  
Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

## PENGENALAN

Tanpa disedari Malaysia kini dianggap sebagai suatu tempat lambakan pembuangan sisa plastik tercemar dan menjadi destinasi utama lambakan pengimportan plastik tercemar dari negara asing sejak China, yang sebelum ini mengimport 45% plastik skrap dunia, melarang pengimportan sisa plastik pada tahun 2018. Kajian yang dijalankan oleh Institut Industri Kitar Semula Skrap (ISRI) mendapati bahawa Malaysia telah menerima lebih banyak sisa import berbanding negara lain dengan kemasukan sebanyak 750,000 tan metrik plastik pada 2018 bernilai lebih RM483 juta. Pada tahun 2020 sahaja, Malaysia telah mengimport sebanyak 157,299 tan sampah plastik.<sup>1</sup>

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertanggungjawab terhadap hala tuju serta dasar industri plastik kitar semula, manakala Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengawal selia pengeluaran permit import (AP) hanya untuk plastik bersih dan seragam. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) adalah jabatan dan agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam penguatkuasaan di bawah KPKT.

Selain itu, Malaysia juga telah meratifikasi Konvensyen Basel pada tahun 1993<sup>2</sup> dan berdasarkan Konvensyen Basel, pergerakan buangan berbahaya merentasi sempadan dibenarkan jika negara pengeksport tidak mempunyai kemudahan merawat dan melupuskan buangan berbahaya dengan sempurna atau buangan berbahaya diperlukan sebagai bahan mentah untuk pemerolehan kembali atau kitar semula di negara pengimport.<sup>3</sup> Pindaan kepada klasifikasi sisa plastik yang dicadangkan menerusi Konvensyen Basel yang diratifikasi oleh 187 negara itu memerlukan pemakluman awal (*prior informed consent (PIC)*) daripada negara pengimport sisa plastik terlebih dahulu sebelum sebarang pergerakan sisa merentasi sempadan boleh dilakukan.<sup>4</sup> Pindaan terhadap klasifikasi plastik di bawah Konvensyen Basel tersebut akan membantu Malaysia menyekat kemasukan sisa plastik dari negara asing secara lebih berkesan.<sup>5</sup>



Setakat Jun 2019, 62 syarikat tempatan mempunyai AP sisa plastik yang dikeluarkan oleh JPSPN bagi membawa masuk dan memproses skrap plastik di Malaysia.<sup>6</sup>

Walau bagaimanapun, kegiatan penyeludupan masuk sisa plastik tercemar secara haram ke Malaysia masih berlaku dan ia didalangi oleh pihak tertentu. Pelbagai modus operandi digunakan dan sisa plastik tercemar terutamanya akan dihantar ke kilang kitar semula yang beroperasi secara haram di seluruh negara.

## Pemakaian undang-undang semasa bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia

Perkara 79(1) dan 94 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menggubal Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 673] bagi perkara-perkara yang melibatkan kebersihan seperti yang disenaraikan dalam item 7, Senarai III (Senarai Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

<sup>1</sup> <https://www.sinharharian.com.my/article/133334/KHAS/Pendapat/Hentikan-import-sisaplastik>

<sup>2</sup> <http://www.basel.int/?tabid=4499>

<sup>3</sup> *Basel Convention on The Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal, Protocol On Liability And Compensation For Damage Resulting From Transboundary Movements Of Hazardous Wastes And Their Disposal*

<sup>4</sup> *Ibid*, Article 2(f).

<sup>5</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/565010/pindaan-pada-konvensyenbasel-bantu-malaysia-sekat-kemasukan-sisa>


<sup>6</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/572153/62-syarikat-ada-ap-importsisaplastik>

# ARTIKEL

## ISU DAN CABARAN: LAMBAKAN KONTENA SISA PEPEJAL PLASTIK BAGI KOD PLASTIK HS CODE 39.15

Oleh Muhamad Yasser bin Mohd Nasri  
Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP



Akta 672 adalah terpakai di Semenanjung Malaysia mulai 1 September 2011 manakala di Sabah dan Sarawak, bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, ia bergantung kepada undang-undang negeri masing-masing. Uniknya, walaupun penguatkuasaan Akta 672 boleh dijalankan di negeri Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Akta 672 itu tidak berkuat kuasa di beberapa negeri lain, iaitu di Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu.<sup>7</sup>

Berdasarkan pemerhatian secara am, maksud serta hasrat Akta 672 dan Akta 673 adalah sebagai undang-undang yang mampu mengawal isu sisa pepejal dalam Malaysia. Namun, terdapat beberapa isu yang timbul di lapangan apabila pelaksanaan penguatkuasaan Akta 672 dan Akta 673 dilakukan, terutamanya apabila menangani isu sisa pepejal plastik yang diimport menerusi kebanyakan pelabuhan Malaysia yang tidak menguatkuasakan Akta 672 dan Akta 673.

Antara isu undang-undang yang perlu diberikan penekanan adalah—

Sama ada terdapat ketidakseragaman undang-undang dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia

Sama ada terdapatkekangan dan had kuasa JPSPN untuk mengeluarkan AP di bawah kod tarif 39.15 dalam Bahagian I, Jadual Kedua Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017  
[P.U.(A) 103/2017]

<sup>7</sup> P.U. (B) 490/2011

# ARTIKEL

## ISU DAN CABARAN: LAMBAKAN KONTENA SISA PEPEJAL PLASTIK BAGI KOD PLASTIK HS CODE 39.15

Oleh Muhamad Yasser bin Mohd Nasri  
Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

### ISU UNDANG-UNDANG

Sama ada terdapat ketidakseragaman undang-undang bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia

Berbeza dengan di Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Kuantan, SWCorp tidak mengalami masalah untuk menjalankan penguatkuasaan berbanding dengan di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang yang tidak menguatkuasakan Akta 672 dan Akta 673. Perbezaan pemakaian undang-undang di pelabuhan tersebut menunjukkan ketidakseragaman undang-undang dalam penguatkuasaan dan pengurusan sisa pepejal plastik yang diimport ke Malaysia. Keadaan ini mengganggu pengurusan pengimportan sisa pepejal plastik yang semakin melambat rentetan keputusan China menolak untuk menerima sisa pepejal plastik yang diimport. Akibatnya, Malaysia bukan sahaja terpaksa menghadapi pencemaran alam malahan terpaksa pula menanggung kos pelupusan sisa pepejal plastik yang diimport tersebut.



Sama ada terdapatkekangan dan had kuasa JPSPN untuk mengeluarkan AP di bawah kod tarif 39.15 dalam Bahagian I, Jadual Kedua Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 [P.U.(A) 103/2017]

Proses pengimportan sisa pepejal plastik ke dalam Malaysia dan pengeksportan keluar dari Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Kastam 1967 [Akta 235] iaitu melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 [P.U.(A)103/2017] dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2017 [P.U.(A)102/2017].



JPSPN telah diberikan kuasa untuk menandatangani, meminda dan membatalkan lesen import atau eksport selaras dengan peruntukan butiran dalam P.U.(A) 102/2017 dan P.U.(A) 103/2017 mengenai Sisa Pepejal Import (Plastik) yang telah disenaraikan di bawah kod tarif 39.15 dalam Bahagian I, Jadual Kedua P.U.(A) 103/2017.

Kuasa yang diberikan kepada JPSPN ini terpakai kepada semua Sisa Pepejal Import (Plastik) di bawah kod tarif 39.15 ke Malaysia.

Ini bermakna, hanya syarikat yang merupakan pemegang lesen yang diberikan di bawah P.U.(A) 102/2017 dan P.U.(A) 103/2017 sahaja yang dibenarkan untuk mengimpor dan mengeksport sisa pepejal plastik di Malaysia.

Walau bagaimanapun,dari aspek penguatkuasaan, JPSPN menerusi SWCorp hanya mempunyai kuasa penguatkuasaan yang terhad kepada Sisa Pepejal Import (Plastik) di bawah kod tarif 39.15 dan pemegang lesen import atau eksport sahaja dengan mengambil tindakan seperti menyenaraihitamkan pemegang lesen kerana ketidakpatuhan terhadap syarat yang dinyatakan dalam lesen.

# ARTIKEL

## ISU DAN CABARAN: LAMBAKAN KONTENA SISA PEPEJAL PLASTIK BAGI KOD PLASTIK HS CODE 39.15

Oleh Muhamad Yasser bin Mohd Nasri  
Program Pembangunan Kerjaya Dan Pentadbiran, Bahagian Latihan ILKAP

Diolah oleh Ainnan binti Mohd Rasid  
Unit Penyelidikan dan Inovasi ILKAP

Selain itu, JPSPN dan SWCorp tidak mempunyai kuasa untuk:

- (a) mengambil sebarang tindakan kepada bukan pemegang lesen import atau eksport; dan
- (b) membuat pemeriksaan kontena.

Tambahan pula, tindakan JPSPN dan SWCorp ke atas ketidakpatuhan lesen import atau eksport oleh pemegang lesen diambil di bawah P.U.(A) 102/2017 dan P.U.(A) 103/2017, bukan di bawah Akta 672.

Halangan dalam penguatkuasaan oleh JPSPN dan SWCorp ini adalah suatu kekangan yang menyukarkan tindakan undang-undang diambil ke atas pihak yang terbabit dalam masalah lambakan sisa pepejal plastik tersebut.

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan isu kekangan yang dinyatakan di atas, terdapat pelbagai sudut yang boleh dilihat dalam menambah baik undang-undang sedia ada. Antara cadangan penambahbaikan yang ingin diketengahkan adalah supaya—

- (a) Akta 672 dan Akta 673 dipinda dengan memberikan kuasa yang lebih luas kepada JPSPN dan SWCorp untuk memasuki pelabuhan di seluruh Malaysia bagi tujuan penguatkuasaan;
- (b) Akta 672 dan Akta 673 hendaklah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia supaya penyeragaman dari segi tindakan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan; dan

- (c) Secara alternatifnya, bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang ke atas sisa pepejal plastik yang diimport tanpa lesen import, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mempunyai kuasa yang komprehensif untuk membuat penguatkuasaan tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Kastam 1967 [Akta 235]. JKDM hendaklah memainkan peranan dalam penguatkuasaan dan JPSPN menerusi SWCorp boleh membantu JKDM bagi mengenal pasti dan mengesahkan sama ada pengimport memiliki lesen import atau eksport.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, ketidakseragaman undang-undang dan kekangan kuasa JPSPN dan SWCorp di bawah undang-undang telah menyebabkan lambakan kontena sisa pepejal plastik di pelabuhan Malaysia semakin berleluasa. Terdapat keperluan untuk undang-undang pengurusan sisa pepejal di Malaysia diseragamkan dengan penguatkuasaan Akta 672 dan Akta 673 ke seluruh Malaysia untuk mengatasi isu lambakan kontena sisa pepejal plastik import tersebut.

Kerajaan Malaysia seharusnya lebih peka dan sewajarnya perlulah memastikan pengurusan sisa plastik domestik berada dalam keadaan lestari sebelum menerima sisa beban plastik dari negara lain.

Bagi dalang yang melakukan operasi haram menyeludup masuk sisa plastik tercemar yang membahayakan dan bagi masalah sisa plastik import yang masih berlaku, tindakan tegas perlu dikenakan supaya kesihatan dan kemaslahatan rakyat dijaga dan supaya Malaysia tidak menjadi tong sampah dunia.



# AKTIVITI ILKAP

APRIL 2021

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020



8  
MAC  
2021

## BENGKEL OACP (Hibrid: Kendiri dan Dalam Talian)



21&22 APRIL 2021

# AKTIVITI ILKAP

APRIL 2021

## PROGRAM JOM BACA



22 APRIL 2021

## SANITASI ILKAP



28 APRIL 2021

# ARTIKEL

## PROJEK MyTC INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Oleh Haslina binti Ali  
Bahagian Pengurusan ILKAP

### PENGENALAN

Projek Sistem Tempahan Fasiliti Kerajaan (MyTC) adalah inisiatif kerajaan yang bertujuan membolehkan orang ramai selain penjawat awam menempah fasiliti kerajaan yang ditawarkan. Projek MyTC membolehkan penggunaan fasiliti sedia ada di Institut Latihan Awam dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimumkan oleh pelbagai pihak. Dalam masa yang sama, Projek MyTC juga menawarkan kemudahan carian dan permohonan fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam (ILA), Kementerian dan Agensi Kerajaan secara dalam talian. Kemudahan permohonan secara dalam talian ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang pantas dan meluas.

Inisiatif ini diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Perancang Ekonomi bersama rakan strategik iaitu Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan *One Malaysia For Youth* (iM4U)

### Pelaksanaan

Projek MyTC adalah contoh terbaik kolaborasi strategik antara agensi, jabatan dan kementerian kerana ia tidak dibangunkan atas usaha sebuah agensi sahaja tetapi ia merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak dalam perkhidmatan awam yang berganding bahu dengan semangat yang sama untuk mengutamakan kepentingan rakyat dalam pentadbiran kerajaan. Majlis *soft launch* fasa pertama Projek MyTC telah diadakan di Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada 17 Disember 2012.

### PORTAL MyTC

Portal MyTC merupakan gerbang ( gateway ) elektronik yang memberikan maklumat fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam dan agensi kerajaan. Portal ini akan memudahkan penjawat awam, pihak sektor swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam untuk mendapatkan maklumat dan membuat tempahan fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam. Portal MyTC boleh diakses menerusi pautan yang berikut:

[http://appmytc.mampu.gov.my/index.php/Auth/new\\_Registration](http://appmytc.mampu.gov.my/index.php/Auth/new_Registration)



# ARTIKEL

## PROJEK MyTC INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Oleh Haslina binti Ali  
Bahagian Pengurusan ILKAP

### TEMPAHAN FASILITI

Tempahan dan penggunaan fasiliti (seperti dewan kuliah dan bengkel) adalah berdasarkan kekosongan fasiliti pada tarikh yang ingin digunakan. Kadar bayaran penggunaan fasiliti pula ditetapkan oleh Institut Latihan Awam / agensi / jabatan / kementerian yang berkaitan.

### PEMBATALAN TEMPAHAN

Pembatalan tempahan fasiliti boleh dilakukan sama seperti tempahan, iaitu secara dalam talian. Tempoh sah pembatalan adalah bergantung kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Institut Latihan Awam / agensi / jabatan / kementerian yang berkaitan. Penempah disaran merujuk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh ILA yang berkaitan.

### ILKAP SEBAGAI AGENSI YANG BERDAFTAR DENGAN MyTC

ILKAP merupakan salah satu agensi kerajaan yang berdaftar dengan MyTC. Bagi menyokong Projek MyTC, ILKAP telah menggariskan beberapa keperluan dalam membuat permohonan untuk menggunakan fasiliti ILKAP iaitu:

**Kos penggunaan premis / fasiliti ILKAP bagi agensi kerajaan adalah PERCUMA, manakala bagi pihak swasta bayaran sebanyak 50% akan dikenakan selaras dengan pelaksanaan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa**

**Sebarang permohonan bagi penggunaan premis / fasiliti ILKAP hendaklah dilakukan dalam masa satu bulan sebelum program bermula. ILKAP tidak akan menanggung sebarang masalah yang berbangkit berikutan kelewatan permohonan yang tidak dibuat dalam tempoh tersebut**

**Permohonan untuk menggunakan premis / fasiliti ILKAP hendaklah menggunakan Borang GF 1/2018 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang ILKAP. Maklum balas akan diberikan dalam tempoh empat belas hari bekerja dari tarikh penerimaan borang permohonan**

**ILKAP berhak mengenakan deposit penggunaan premis / fasiliti mengikut keperluan**

**Sebarang permohonan untuk menggunakan peralatan teknologi dan maklumat / audiovisual ILKAP hendaklah mendapat kelulusan daripada ILKAP terlebih dahulu dan peralatan berkenaan hendaklah digunakan dengan kehadiran juruteknik atau wakil ILKAP**

**ILKAP mempunyai budi bicara untuk membatalkan kelulusan permohonan premis / fasiliti ILKAP dengan memberikan notis secara bertulis dalam masa tiga hari sebelum program bermula atas sebab-sebab yang difikirkan perlu oleh ILKAP. Walau bagaimanapun, jika berlaku apa-apa kerosakan kepada premis / fasiliti yang dipohon, ILKAP boleh dalam tempoh satu hari sebelum program bermula atau secara serta-merta membatalkan kelulusan penggunaan premis / fasiliti ILKAP**

# ARTIKEL

## PROJEK MyTC INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP)

Oleh Haslina binti Ali  
Bahagian Pengurusan ILKAP

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**KEMUDAHAN FASILITI DI ILKAP**

**BANGUNAN PERDANA**

7 bilik kuliah      1 Theatrette  
 2 Mahkamah Moot      Bilik Siber

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**BANGUNAN PERDANA**

12 bilik sindiket      1 Perpustakaan  
 Auditorium

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**BANGUNAN ITITC**

Dewan kuliah      Bilik kuliah      Bilik Sindiket IT  
 Bilik Siber      Dewan Bankuet      Bilik Mesyuarat Utama

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**KEMUDAHAN ASRAMA EKSEKUTIF**

Kemudahan di bilik asrama

**KEMUDAHAN ASRAMA A & B**

Dewan Makan

**Dewan Makan**

**INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**KEMUDAHAN SUKAN DI ILKAP**

Bola tampar      Futsal      Bola keranjang  
 Stadium Mini      Dewan serba guna (Tutup)

## SENI REKA GRAFIK VS SENI DIGITAL

Oleh Norhafida Darus  
Bahagian Maklumat ILKAP

SENI REKA GRAFIK ( <i>GRAPHIC DESIGN</i> )	SENI DIGITAL ( <i>DIGITAL ART</i> )
<p>Seni Reka Grafik (<i>Graphic Design</i>) bermaksud proses dan seni yang menggabungkan teks dan grafik serta menyampaikan mesej secara berkesan melalui logo, brosur, <i>flyers</i>, poster dan medium komunikasi visual yang lain.</p> 	<p>Seni Digital (<i>Digital Art</i>) merupakan seni yang diciptakan melalui perisian dalam komputer. Seni jenis ini adalah sama seperti seni tradisional yang lain yang menggunakan warna, berus, kanvas dan lain-lain.</p> 
<p>Pereka Grafik lazimnya akan menggunakan <i>desktop publishing software</i> untuk menghasilkan Seni Reka Grafik bagi mencapai matlamat yang ingin disampaikan.</p> <p>Dalam erti kata lain, Seni Reka Grafik adalah proses menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh klien yang memerlukan kreativiti, inovasi dan kepakaran teknikal untuk menyampaikan mesej mengenai sesuatu produk atau perkhidmatan</p>	<p>Seni Digital boleh sepenuhnya dihasilkan oleh Artis Digital menerusi komputer seperti <i>fractal</i> atau daripada sumber lain seperti gambar yang diimbas (<i>scanned</i>) atau dilukis menggunakan perisian vektor grafik.</p> <p>Seni Digital sebegini kebiasaannya menggunakan tetikus atau papan grafik (<i>graphics tablet</i>). Istilah ini biasanya dikhaskan bagi seni yang sebahagian besarnya disunting melalui komputer.</p>

## SENI REKA GRAFIK VS SENI DIGITAL

Oleh Norhafida Darus  
Bahagian Maklumat ILKAP

SENI REKA GRAFIK ( <i>GRAPHIC DESIGN</i> )	SENI DIGITAL ( <i>DIGITAL ART</i> )
<p>kepada pembaca atau pelanggan yang ditujukan. Proses ini diterjemahkan melalui kombinasi warna, bentuk, gambar, ruang dan tipografi.</p> 	
<p><b>Jenis Rekaan Grafik:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Logo</li> <li>➤ Kad perniagaan</li> <li>➤ Iklan</li> <li>➤ Brosur</li> <li>➤ Papan iklan</li> <li>➤ Pembungkusan Produk</li> <li>➤ Poster</li> <li>➤ Reka letak majalah</li> <li>➤ Buku</li> <li>➤ Surat khabar</li> </ul>	<p><b>Jenis Seni Digital:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Art game</i></li> <li>➤ <i>Animations</i></li> <li>➤ <i>Computer art scene</i></li> <li>➤ <i>Computer graphics</i></li> <li>➤ <i>Cyberarts</i></li> <li>➤ <i>Digital illustrations</i></li> <li>➤ <i>Digital imaging</i></li> <li>➤ <i>Digital painting</i></li> <li>➤ <i>Digital photography</i></li> <li>➤ <i>Digital poetry</i></li> <li>➤ <i>Dynamic painting</i></li> <li>➤ <i>Evolutionary art</i></li> <li>➤ <i>Generative art</i></li> <li>➤ <i>Interactive art</i></li> <li>➤ <i>Motion graphics</i></li> <li>➤ <i>Music visualization</i></li> <li>➤ <i>Photo manipulation</i></li> <li>➤ <i>Pixel art</i></li> <li>➤ <i>Render art</i></li> <li>➤ <i>Software art</i></li> <li>➤ <i>Systems art</i></li> </ul>

## SENI REKA GRAFIK VS SENI DIGITAL

Oleh Norhafida Darus  
Bahagian Maklumat ILKAP

SENI REKA GRAFIK ( <i>GRAPHIC DESIGN</i> )	SENI DIGITAL ( <i>DIGITAL ART</i> )
Pereka Grafik terlibat secara langsung dalam menghasilkan visual mengikut kehendak klien.	Artis Digital bebas membuat apa sahaja yang diinginkan melainkan jika seni digital yang dihasilkan adalah berdasarkan permintaan klien.
Rekaan Grafik menggunakan masa yang banyak.	Seni Digital menjimatkan masa.
Pereka Grafik memerlukan idea yang banyak dan meluas untuk menterjemahkan mesej yang ingin disampaikan oleh klien.	Artis Digital memerlukan pemikiran yang lebih abstrak.
Pereka Grafik perlu memastikan setiap rekaan dihasilkan dengan baik mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui bersama klien agar kualiti dapat dijaga.	Artis Digital hanya perlu mengikut cita rasa sendiri melainkan jika seni digital yang dihasilkan adalah berdasarkan permintaan klien.

# AKTIVITI ILKAP

## MEI 2021


PROGRAM PENGHAYATAN RAMADHAN 1442H

CERAMAH: "TARBIYAH RAMADHAN KESAN TERHADAP JIWA"

Secara Dalam Talian Anjuran Bersama Bahagian Pengurusan dan

Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP


5 MEI 2021



PEMBACA AKTIF PUSAT SUMBER ILKAP

SUKU AKHIR 2020 & SUKU PERTAMA 2021

5 MEI 2021



# AKTIVITI ILKAP

## MEI 2021

MAJLIS KHAMAT AL-QURAN BERSEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1442H

(Anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP)

5 MEI 2021



EDARAN SEJADAH DAN JUADAHIFTAR BERSEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK 1442H  
(PUSPANITA Cawangan Kecil ILKAP bersama Bahagian Pengurusan dan Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP)

5 MEI 2021



# SIDANG REDAKSI

**HANIE DZATUL AKHMAR BINTI ZULKEFLI**

KETUA UNIT

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**KETUA PROJEK**

**AINNAN BINTI MOHD RASID**

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**PEMANTAUAN KESELURUHAN PROJEK**

**PEMILIHAN GAMBAR DAN INFOGRAFIK**

**EDITOR DAN PENYUNTING AKHIR**

**AINNAN BINTI MOHD RASID**

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**SESI TEMU BUAL**

**HANIE DZATUL AKHMAR BINTI ZULKEFLI**

KETUA UNIT

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**PENULIS ARTIKEL PIHAK UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**HASLAMIZAN BIN MALIKI**

KETUA PENOLONG PENGARAH

PROGRAM PENASIHAT

**PENULIS ARTIKEL PIHAK PROGRAM PENASIHAT**

**NOOR EZWANEE BINTI MOHAMAD**

KETUA PENOLONG PENGARAH

PROGRAM PERUNDANGAN

**PENULIS ARTIKEL PIHAK PROGRAM PERUNDANGAN**

**NURUN NAZIFAH BINTI MUHAMMAD IYEN ATIM**

KETUA PENOLONG PENGARAH

PROGRAM KEHAKIMAN

**PENULIS ARTIKEL PIHAK PROGRAM KEHAKIMAN**

**NURULHUDA BINTI RAMLI**

KETUA PENOLONG PENGARAH

PROGRAM LITIGASI

**PENULIS ARTIKEL PIHAK PROGRAM LITIGASI**

**MUHAMAD YASSER BIN MOHD NASRI**

KETUA PENOLONG PENGARAH

PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN

**PENULIS ARTIKEL PIHAK PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA DAN PENTADBIRAN**

**NORHAFIDA BINTI DARUS**

PUSTAKAWAN

BAHAGIAN MAKLUMAT

**PENULIS ARTIKEL PIHAK BAHAGIAN MAKLUMAT**

**HASLINA BINTI ALI**

PEGAWAI TADBIR

BAHAGIAN PENGURUSAN

**PENULIS ARTIKEL PIHAK BAHAGIAN PENGURUSAN**

**HANIE DZATUL AKHMAR ZULKEFLI**

KETUA UNIT

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

**PENYUNTING**

**SHAHRUL FIRDAUS BIN MOHD SHAHIRI**

PEREKA GRAFIK

UNIT KOLEKSI BER CETAK BAHAGIAN MAKLUMAT

**URUSAN REKAAN GRAFIK KESELURUHAN**